

19/07/2000

Pembangkang didik anak benci kerajaan

Zulkofli Jamaludin; Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Selasa - Kegiatan politik pembangkang yang mengajar kanak-kanak membenci dan memarahi kerajaan dari peringkat tadika menyebabkan sikap tidak menghormati guru serta ibu bapa berlaku, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, apabila perasaan membenci itu meluap-luap selama bertahun-tahun, maka berlakulah peristiwa rampasan senjata untuk menjatuhkan kerajaan seperti di Sauk, Perak.

"Apabila diajar anak tidak menghormati orang tua dan guru, berlakulah kejadian peluru dihantar oleh anak murid kepada guru serta perbuatan membuang bayi dalam tong sampah.

"Semua ini berpunca daripada ajaran yang bertentangan dengan Islam dan ajaran yang bertentangan dengan budaya kita," katanya ketika menjawab soalan tambahan Wan Nik Wan Yusoff (Pas-Bachok) di Dewan Rakyat, hari ini.

Wan Nik sebelum itu meminta Perdana Menteri menjelaskan mengapa kejadian peluru dihantar kepada guru, bapa membunuh anak, Al-Ma'unah dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dipenjarakan boleh berlaku.

Perdana Menteri berkata, parti politik sepatutnya mengajar supaya anak menghormati agama serta adat resam dan tidak menghasut guru supaya mengajar anak menegur ibu bapa.

Mengenai Al-Ma'unah, Dr Mahathir berkata kerajaan mempunyai senarai nama ahli kumpulan itu yang terdiri daripada parti tertentu, tanpa menjelaskan nama parti terbabit.

"Takut nak dengar ke? Nampak berasa takut sangat Mohamad Sabu. Awak yang panggil orang itu aljub... ingat tak," kata Dr Mahathir sambil diikuti penyokong kerajaan menepuk meja.

Serentak itu Mohamad Sabu (Pas-Kuala Kedah) bangun dan berkata apa yang dimaksudkan ialah Al-Ma'unah.

Perdana Menteri berkata, pembangkang mendakwa kononnya tindakan undang-undang boleh diambil terhadap orang lain, tetapi jika membabitkan orang kesayangan mereka, tidak boleh diambil tindakan.

"Dulu tidak begitu sayang sangat. Apabila dah kena tindakan (hukuman) dan ini nampak boleh jadi isu oleh parti lawan, maka tiba-tiba timbul kesayangan yang tidak diduga sama sekali.

"Kenapa selama 18 tahun orang itu berada dalam Umno, kita tidak dengar Pas puji dan sayang kepadanya. Tetapi selepas itu begitu sayang sekali hingga sanggup berdemonstrasi.

"Kalau orang lain buat macam itu akan dihadapkan ke mahkamah. Kalau kena kawan sendiri, tidak boleh. Inilah kezaliman parti Pas yang ada pilih kasih dan kronisme. Kalau kroni mereka dituduh, haa... itu zalim. Jika kawan mereka dilepas, cukup baik sekali," katanya sambil menambah tunggulah.

(END)